

Generasi muda perlu berani tolak rasuah, ekstremisme

London: Generasi baharu dan muda Malaysia perlu mempunyai keberanian menolak rasuah, perkauman dan ekstremisme agama, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata, meskipun Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan aman, terdapat pihak yang cuba memecahbelahkan negara dengan ekstremisme perkauman dan agama.

“Dalam konsep MADANI, kami tidak bertolak ansur isu seperti rasuah, pemimpin memboroskan kekayaan, tidak kira ia gabungan yang sama atau tidak,” katanya ketika sesi soal jawab selepas menyampaikan syarahan di London School of Economics (LSE), di sini kelmarin.

Anwar berkata, meskipun perlembagaan menjamin hak majoriti Muslim, Melayu dan Bumiputera, terdapat kumpulan yang menggunakan dasar berasaskan kaum, menghina dan menimbulkan kebencian terhadap kaum lain.

“Saya akan tegas dalam hal ini. Mereka boleh mengkritik saya kerana dasar saya tetapi tidak boleh menggunakan isu kaum dan agama,” katanya dalam syarahan bertajuk: *The Adaptive Edge: Malaysia's Global Strategy in an Uncertain Era*.

Anwar yang dalam lawatan kerja lima hari di sini, berkata Malaysia dahulu mempunyai potensi berkembang, tetapi hal itu dimusnahkan oleh tadbir urus yang lemah dan ketamakan.

“Saya mahu orang muda faham ini. Perlu ada keberanian untuk mengatakan tidak kepada rasuah dan ketaasuban agama,” katanya sambil menambah toleransi diperlukan dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia.

Kira-kira 500 pelajar dan pensyarah menghadiri syarahan itu termasuk pelajar Malaysia yang menuntut di LSE. BERNAMA